

- C. Dalam petikan di bawah ini, terdapat **kesalahan-kesalahan bahasa**. Kenal pasti **empat** kesalahan tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.

Kesalahan Bahasa: **Aras R**

KUALA LUMPUR, Sabtu – Pada dua tahun yang lalu, sebanyak 35,000 individu telah hilang pekerjaan manakala dalam tempoh Januari serta Ogos pada tahun lepas, angka tersebut telah mencecah 13,099 orang dengan purata sebanyak 1,625 orang diberhentikan kerja pada setiap bulan dengan berbagai alasan. Masalah ini dijangka berlarutan hingga tahun hadapan yang mungkin mempenontonkan lebih banyak individu bakal hilang pekerjaan disebabkan pelbagai faktor. Menurut Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Mohd Effendy Abdul Ghani, jika pada tahun ini secara purata lebih 1,600 pekerja dibuang pada setiap tahun, tidak mustahil majikan akan melaksanakan proses penyusutan kos dengan memberhentikan lebih banyak pekerja pada tahun hadapan.

- (i) _____
(ii) _____
(iii) _____
(iv) _____

- D. Dalam poster di bawah ini, terdapat **kesalahan-kesalahan bahasa**. Kenal pasti **tiga** kesalahan tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan.

Kesalahan Bahasa: **Aras R**

KUIZ PENGETAHUAN

PASUKAN BADAN BERUNIFORM

Peringkat Negeri Pahang Tahun 2025

16 Jun 2025 (Isnin), 3:00 petang hingga 9:00 malam

Syarat Penyertaan:

- Terbuka pada murid sekolah menengah
- Seorang murid boleh menjawab kuiz sekali sahaja

e-sijil penyertaan akan diberikan tatkala peserta mencapai markah minimum 60 peratus

Kuiz Pengetahuan PBB merangkumi:

• Asas Perkhemahan	• Simpulan dan Ikatan
• Asas Pertolongan Cemas	• Kepemimpinan
• Asas Kawad Kaki	• Pengetahuan Am

Semua ahli-ahli PBB dialu-alukan untuk menyertai kuiz pengetahuan ini.



- (i) _____
(ii) _____
(iii) _____